

02 OCT 2002

MOGGIE-PERDANA/I

APLIKASI PERDANA M'SIA KINI BOLEH TEMBUSI PASARAN EROPAH DAN ARAB

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Aplikasi perdana Malaysia kini boleh menembusi pasaran-pasaran Eropah dan Arab berikutan termeterainya dua perjanjian antara syarikat-syarikat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Malaysia dan Maghribi.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie menyaksikan majlis menandatangani kedua-dua perjanjian berkenaan selepas menghadiri Persidangan International Telecommunication Union (ITU) Plenipotentiary 2002 di Marrakesh, Maghribi.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, kementerian itu berkata perjanjian pertama meliputi jalinan kerjasama strategik antara Pusat Teknologi Koridor Raya Multimedia (MSCTC) dan Sistem Pembayaran Teknologi Tinggi (HPS).

Perjanjian kedua ialah antara I-Venture, syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) dan dua syarikat Maghribi iaitu Innosoft dan Dreamline. Kedua-dua majlis diadakan di Casablanca Technopark yang terletak di Casablanca, Maghribi pada 30 Sept.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Moggie berkata kerjasama antara syarikat Malaysia dan Maghribi merupakan realisasi kepada Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara kerajaan Malaysia dan Maghribi ketika lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Maghribi pada bulan April lepas.

Majlis menandatangani itu juga merupakan susulan kepada MoU yang ditandatangani antara Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Morocco Information Technopark Company pada bulan November 2001, kata beliau.

Ia juga merupakan kemuncak kepada perbincangan yang lebih terperinci yang bermula ketika lawatan Dr Mahathir pada bulan April. Perjanjian pertama akan memberikan MSCTC peluang menembusi rumusan e-pembayaran HPS berpengkhususan dalam program kesetiaan, yang boleh meningkatkan lagi aplikasi perdana kad pintar MSC.

Pada masa yang sama, menerusi jalinan kerjasama strategiknya dengan HPS, MSCTC boleh mempertingkatkan lagi penembusan aplikasi Perdana Malaysia ke pasaran Eropah dan Arab.

Perjanjian kedua akan menyaksikan penembusan I-Venture dalam pembangunan kandungan dan animasi 3-D yang ada di Maghribi. Sekali gus, I-Venture juga boleh menerusi rakan kongsinya meningkatkan akses untuk perisian Sekolah Pintarnya di pasaran Maghribi.

Perbincangan yang berlangsung di Casablanca Technology Park ialah sebahagian daripada program lawatan MSC ke Maghribi, diketuai oleh Moggie yang bermula pada 28 hingga 30 Sept lepas.

Misi itu terdiri daripada tujuh syarikat ICT Malaysia dengan Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, pengerusi MDC sebagai naib ketua.

Misi MSC itu melawat Casablanca dan Rabat selepas Moggie menghadiri persidang ITU di Marrakesh.

Pada persidangan ITU berkenaan, Moggie dan delegasi Malaysia menggunakan persidangan itu untuk memasarkan MSC dan aplikasi Perdana kepada bakal-bakal pelabur.

Aturcara di Rabat termasuklah pertemuan makan tengahari dengan pemimpin perniagaan Maghribi dan pegawai kanan kerajaan yang terlibat dalam isu-isu ICT, terutamanya E-Kerajaan, Kad Pintar dan Sekolah Pintar. -- BERNAMA

TNS FR AA